

# Tak wajar ambil peperiksaan badan profesional perakaunan

SINAR HARIAN (KAMPUS) 6 FEB 2018 (SELASA) M/S: 25

KUANTAN - Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam menyifatkan resolusi Jawatankuasa Memperkuhkan Profesion Perakaunan (CSAP) yang mahu graduan perakaunan mengambil peperiksaan daripada badan profesional perakaunan sebelum boleh menjadi akauntan bertauliah adalah tidak wajar.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNCR), Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkata, salah satu sebab adalah kerana kos peperiksaan badan profesional perakaunan adalah tinggi. Bagi badan profesional perakaunan luar negara

pula, ia perlu dibayar mengikut mata wang asing.

"Jadi tak semua graduan boleh dapatkan kelayakan itu dengan kos yang sedemikian rupa. Malah untuk mengekalkan keahlian itu juga memerlukan kos yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sidang media berhubung isu CSAP yang mahu semua

graduan perakaunan menduduki peperiksaan badan profesional perakaunan sebelum layak menjadi seorang akauntan bertauliah.

Sehubungan dengan isu CSAP, Institut Akauntan Malaysia telah menangguhkan pemberian pengiktirafan kepada program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang ditawarkan oleh beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kelmarin, Presiden Persatuan

Firma Akauntan Bertauliah Melayu Malaysia (AMCAF), Mohd Noh Jidin menerusi Konvensyen Akauntan Nasional menolak cadangan CSAP untuk menarik balik pengiktirafan ijazah perakaunan di 18 universiti di negara ini.

Daing Nasir berkata, pihaknya menyokong kenyataan AMCAF dan menolak resolusi CSAP yang t mahu graduan perakaunan mengambil peperiksaan badan profesional perakaunan untuk menjadi akauntan bertauliah.

Jelasnya, langkah itu akan mewujudkan jurang perbezaan dengan graduan perakaunan yang mengikuti ijazah sarjana muda perakaunan di universiti tempatan yang telah pun diiktiraf oleh Institut Akauntan Malaysia.

Dalam pada itu, Daing Nasir berkata, tindakan tersebut juga turut memberi kesan kepada universiti tempatan yang sudah lama mewujudkan ijazah sarjana muda perakaunan.

"Di kalangan akauntan kita, walaupun mempunyai kelayakan tambahan, tetapi

ramainya adalah graduan universiti awam seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) yang mempunyai sejarah yang lama sekali.

"Maka apa akan jadi kepada program-program lama yang dah kukuh ini yang mempunyai infrastruktur dan tenaga pensyarah ramai dan begitu berpengalaman," katanya.

Selain itu, beliau menyokong cadangan Majlis Dekan Perakaunan untuk mengadakan Unified Competency Assessment.

Katanya, IPTA dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta Badan Profesional Perakaunan bekerjasama di dalam meningkatkan kualiti program ijazah sarjana muda perakaunan di Malaysia.

"Kerjasama ini adalah seiring dengan hasrat menteri pengajian tinggi di mana akademia dan industri harus bekerjasama untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan yang tersohor serta disegani oleh masyarakat dunia," katanya.



DAING NASIR